



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

REBUT FADHILAT BERZIKIR SELEPAS SEMBAHYANG

(Bahagian Kedua)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

- Membaca:

(10 kali) .

Ertinya: *“Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah Yang Maha Esa tiada sekutu bagiNya, yang memiliki semua kerajaan (di langit dan di bumi) dan bagiNya segala kepujian, Dialah Yang Maha Menghidupkan dan Maha Mematikan (dengan kekuasaanNya), dan Dialah Yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu.”*

Keterangan: Adalah dianjurkan membaca zikir ini ketika masih dalam keadaan duduk *tahiyat*. Zikir ini mengandungi fadhilat tertentu apabila diamalkan selepas sembahyang sebagaimana disebutkan dalam beberapa buah hadits, antaranya:

()

Maksudnya: *“Daripada Abu Dzarr: “Bahawa Rasullullah Shallallahu `alaihi wasallam bersabda: “Sesiapa yang membaca selepas sembahyang Subuh ketika dia masih dalam keadaan melipat kedua kakinya (belum berubah iaitu masih seperti duduk tahiyat) sebelum dia berkata-kata akan zikir (*

) sebanyak sepuluh kali, nescaya ditulis untuknya sepuluh kebajikan, dihapuskan sepuluh kejahatan, diangkat baginya sepuluh darjat, dan dia pada sepanjang hari itu berada dalam pemeliharaan daripada segala perkara yang buruk (tidak diingini) dan dia akan dipelihara daripada syaitan dan tidak ada dosa yang akan menyimpannya pada hari itu (melainkan jika dia melakukan) perkara syirik.”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

- Membaca:

()

Maksudnya: *“Tiada Tuhan (yang disembah) melainkan Allah yang Maha Esa tiada sekutu bagiNya, yang memiliki semua kerajaan (di langit dan di bumi) dan bagiNya segala kepujian, dan Dialah yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu. Tiada upaya dan tiada kekuatan melainkan dengan Allah. Tiada Tuhan (yang disembah) melainkan Allah, yang tidak kami sembah melainkan Dia, bagiNya (segala) kenikmatan dan bagiNya (segala) kelebihan dan bagiNya (segala) puji-pujian yang baik. Tiada Tuhan (yang disembah) melainkan Allah, kami ikhlaskan kepadaNya agama (Islam) walaupun dibenci oleh orang-orang kafir.”*

(Hadits riwayat Muslim)

- Membaca:

()

Maksudnya: *“Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah yang Maha Esa tiada sekutu bagiNya, yang memiliki semua kerajaan (di langit dan di bumi) dan bagiNya segala kepujian, dan Dialah Yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu. Ya Allah, tidak ada yang mencegah jika Engkau memberi dan tidak ada yang diberi jika Engkau mencegah dan tidak bermanfaat orang yang mempunyai kemuliaan daripada Engkau oleh kemuliannya.”*

(Hadits riwayat Bukhari)

- Membaca:

(7 kali) .

Ertinya: *“Ya Allah, lepaskanlah aku daripada azab api neraka.”*

Keterangan: Kelebihan membaca zikir ini setelah selesai sembahyang sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits:

: :

()

Maksudnya: *“Daripada Muslim bin al-Harith at-Tamimi, daripada Rasullullah Shallallahu ‘alaihi wasallam, bahawa Baginda telah membisikkan suatu rahsia kepadanya, lalu Baginda bersabda: Apabila engkau selesai daripada menunaikan sembahyang Maghrib maka bacalah () tujuh kali, kerana sesungguhnya apabila engkau membaca sedemikian lalu engkau mati pada malam itu, akan ditulis bagimu pemeliharaan daripada api neraka, dan apabila engkau telah menunaikan sembahyang Subuh maka bacalah seperti itu juga, maka sesungguhnya jika engkau mati pada hari itu, nescaya akan ditulis bagimu pemeliharaan daripada api neraka.”*

(Hadits riwayat Abu Daud)

- Membaca:

Ertinya: *“Wahai Tuhan, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada sifat pengecut, dan aku berlindung kepadaMu daripada sehina-hina usia, dan aku berlindung kepadaMu daripada fitnah dunia dan aku berlindung kepadaMu daripada seksa kubur.”*

Keterangan: Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* selalu berlingung dan membaca zikir ini setiap selepas sembahyang. Sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits:

:

()

Maksudnya: “Bahawa Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* memohon perlindungan pada setiap kali selepas sembahyang (dengan membaca):”

.(

(Hadits riwayat al-Bukhari)

- Membaca:

Ertinya: “Ya Allah, aku memohon pertolonganMu agar dapat mengingatiMu, mensyukuri (segala nikmat)Mu dan memperbaiki amal ibadat kepadaMu.”

Keterangan: Zikir ini juga sering dibaca oleh Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* selepas sembahyang. Menurut sebuah riwayat bahawa Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telahpun mewasiatkan zikir ini kepada Mu‘adz supaya membacanya setiap kali selepas sembahyang.

- Membaca surah al-Fatihah

Antara kelebihanannya sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits daripada Ibnu Abbas *Radhiallahu ‘anhuma*:

" :
" :
"

"

()

Maksudnya: *“Ketika Jibril duduk di sisi Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam, Nabi mendengar suara seperti pintu dibuka dengan keras dari arah atasnya, Baginda pun mengangkat kepalanya, maka Jibril pun berkata: “Ini adalah pintu langit yang dibuka pada hari ini dan tidak dibuka melainkan pada hari ini. Lalu turunlah dari pintu itu malaikat. Jibril pun berkata: “Malaikat ini turun ke bumi dan tidak turun melainkan pada hari ini sahaja.” Malaikat itu memberi salam dan berkata: “Bergembiralah dengan dua cahaya yang hanya diberikan kepadamu tetapi tidak diberikan kepada nabi sebelum tuan iaitu: Surah al-Fatihah dan (beberapa ayat) akhir daripada surah al-Baqarah, Tuan tidak membaca satu huruf (yang mengandungi doa) daripada kedua surah itu melainkan diberikan kepadanya (perkara yang didoakan itu).”*

(Hadits riwayat Muslim)

- Membaca:

وَاللَّهُمَّ إِلَهُ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾

(163 :)

Tafsirnya: *“Dan Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa (tiada sekutu dan bandingan bagiNya pada zat, pada zifat dan pada perbuatan), tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain dari Dia Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.”*

(Surah al-Baqarah: 163)

Keterangan: Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* menerangkan dalam sebuah hadits bahawa ayat ini adalah rangkaian daripada *Ismullah al-’a’zham*.

- Membaca ayat al-Kursiy:

Ayat dari surah al-Baqarah atau disebut dengan nama ayat al-Kursi ini mengandungi fadhilat yang sangat besar. Antaranya, dinyatakan bahawa sesiapa membaca ayat al-Kursi ini setiap kali selepas selesai sembahyang maka tidak akan terhalang ia daripada masuk Syurga melainkan dia akan mati (dan kemudian masuk Syurga).

- Membaca ayat 285-286 surah al-Baqarah:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ
وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۗ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ
الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا
تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ۗ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ
مِن قَبْلِنَا ۗ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۗ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا ۗ أَنْتَ
مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

(286-285 :)

Tafsirnya: “*Rasullullah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya dan begitu juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, Malaikat-malaikatNya, Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain dari rasul-rasulNya.” Mereka berkata lagi: “Kami dengar dan kami taat (suruhan Engkau). (Kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali.”*

“Allah tidak membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa): “Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau menghukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat (yang tidak terdaya kami menanggungnya) sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami. Engkaulah Pelindung kami. Oleh itu tolonglah kami menghadapi kaum yang kafir.”

(Surah al-Baqarah: 285-286)

Keterangan: Sesiapa membaca dua ayat daripada surah al-Baqarah ini pada waktu malam maka akan dihindari daripada perkara yang tidak diinginkan. Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “Barang siapa yang membaca dua ayat terakhir dari surah al-Baqarah pada suatu malam, maka dipalingkan dia (dari kejahatan dan hal-hal yang tidak disukai).”

(Hadits riwayat Muslim)

- Membaca ayat 18 surah Ali-‘Imran:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ ۗ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ

الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

(18:)

Tafsirnya: “Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil dan bukti) bahawa tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang Mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang –orang yang berilmu (berikrar dan mengakui juga bahawa) tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

(Surah Ali‘Imraan: 18)

Keterangan: Ayat ini juga dianjurkan untuk dibaca selepas sembahyang. Kelebihan ayat ini menurut riwayat dalam sebuah hadits bahawa seorang lelaki ‘arabi telah datang kepada Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* menyatakan bahawa saudaranya telah di timpa suatu penyakit. Kemudian Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* meminta supaya sipesakit didatangkan kepada Baginda. Setelah sipesakit didatangkan kepadanya, Bagindapun membaca beberapa rangkaian ayat-ayat al-Qur’an. Antaranya ialah ayat tersebut. Setelah itu lelaki itupun berdiri dalam keadaan sihat seolah-olah tidak terjadi sesuatu sebelumnya.

Bersambung